EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10 pagi, 25 Julai 2025

Untuk Terbitan Media
25 Julai 2025

SIARAN MEDIA

PERKESO LANJUT TEMPOH BAYARAN CARUMAN KEPADA 19 SEPTEMBER 2025

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengumumkan tarikh akhir bayaran caruman bagi Ogos 2025 dilanjutkan kepada Jumaat, 19 September 2025.

Pelanjutan ini susulan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkenaan cuti umum tambahan pada 15 September 2025 sempena Hari Malaysia.

Pelaksanaan inisiatif ini antara lain bagi memberi kelonggaran kepada majikan yang mungkin terkesan dengan cuti hujung minggu yang panjang.

Untuk rekod, semua majikan perlu membayar caruman Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan (Akta 800), selewat-lewatnya pada 15 hari bulan bagi caruman bulan sebelumnya.

Justeru, selari antara prinsip 3K Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) iaitu Kebajikan Pekerja, langkah ini diambil sebagai sokongan kepada pengisytiharan cuti umum tambahan sebagaimana diumumkan Perdana Menteri semalam.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, majikan boleh menghubungi talian Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000 atau layari laman sesawang www.perkeso.gov.my.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO
PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'no one left behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
25Julai 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi
Iklil Fatihah Kamal Redzuan
+6019-3273193
fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud
+6019-3265772
ridauddin.daud@perkeso.gov.my